

Newspaper  
Date

Sinar Harian  
31 August 2015

# Demonstrasi pertama Dr Mahathir

Sinar Harian - 31/8/2015

**KUALALUMPUR** - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad menegaskan beliau terpaksa menyertai perhimpunan Bersih 4.0 kerana tiada tindakan undang-undang dikenakan terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Menurut Dr Mahathir, ini kali pertama beliau menyertai demonstrasi seperti itu.

"Dulu tak perlu (demo) sebab dulu ada undang-undang. Kita buat laporan polis, Peguam Negara ambil tindakan. Tapi sekarang buat laporan polis tapi polis tak boleh ambil tindakan sebab Najib tak bagi. Oleh itu, kali ini saya terpaksa sertai demonstrasi seperti ini.

"Dulu saya tak pernah sertai demonstrasi. Ini pertama kali," katanya dalam sidang media di sebuah restoran berhampiran Pasar Seni, semalam.

Turut hadir isteri beliau, Tun Dr Siti Hasmah Mohamad Ali.

Mengulas lanjut, Dr Mahathir berkata, antara tindakan Najib yang tidak boleh diterima ialah memansuhkan pasukan petugas khas yang me-



Dr Mahathir melambaikan tangan sebelum memasuki kereta, semalam.

nyiasat 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

"Dia gunakan polis takutkan rakyat. Sebab itu saya di sini bersama para pendemo.

"Jika pasukan petugas khas dibenarkan untuk menyiasat dari mana duit dia itu, saya tidak akan datang ke sini. Tapi dia mansuhkan pasukan

petugas khas dan takutkan mereka," katanya.

Ditanya mengenai sesetengah pihak yang tidak menyenangi penampilannya dalam Bersih 4.0, Dr Mahathir berkata, beliau hanya menyatakan solidaritinya terhadap rakyat.

"Ada orang nak bagi buruk nama saya kononnya saya sokong Bersih.

Bersih pun rakyat... yang lain semua ini pun rakyat, mereka pun tak suka Najib.

"Semua pakai baju kuning. Banyak yang tak pakai baju kuning," katanya.

Sementara itu, menjawab sama ada perhimpunan itu boleh menjatuhkan Najib, Dr Mahathir berkata, perkara itu tidak mustahil.

"Saya tak tahu (Bersih) ini *game changer* atau tidak. Saya di sini untuk bersolidariti dengan rakyat sebab sekarang berjuta rakyat akses blog saya dan mereka mahu Najib berundur, hanya sedikit yang menyokongnya.

"Kalau kerajaan dah tak peduli pasal undang-undang, kita terpaksa gunakan demonstrasi. Lihat Presiden (Ferdinand) Marcos, ketika memerintah Filipina, mereka terpaksa jatuhkan beliau melalui demonstrasi," katanya.

## Sokong undi tak percaya kalau nak dipilih lagi

Sementara itu, Dr Mahathir mahu semua ahli Parlimen Umno berani membuat undi tidak percaya

terhadap Najib jika mahu dipilih lagi dalam PRU14 akan datang.

Katanya, pemimpin Umno perlu berani bertindak jika sayangkan parti.

"Kita nak singkir Najib sahaja, BN kekal, tetapi beliau tidak akan letak jawatan. Jika undi tak percaya mahu berjaya, ahli Parlimen Umno yang setia kepada parti perlu sokong undi tidak percaya. Lepas itu kerajaan Najib akan jatuh. Kerajaan selepas itu perlu BN kerana BN ada majoriti," katanya.

Menurutnya, perhimpunan Bersih 4.0 tidak mungkin boleh menurunkan Najib melainkan dengan undi tidak percaya dibuat ahli parlimen.

"Saya minta ahli Parlimen Umno sedia (undi tidak percaya). Saya melihat demonstrasi terhadap Presiden Guatemala, mereka demonstrasi sehari-hari, tapi dia tidak berundur.

"Sokong ahli parlimen anda, jika tidak sokong undi tak percaya, kami tidak akan undi sebagai ahli parlimen lagi. Sekarang ini tugas rakyat untuk menjadikan negara ini ditadbir tanpa rasuah," katanya.